

21 DISEMBER 2017

Dicekup ketika jual beli dadah

Dicekup ketika jual beli dadah

KOTA KINABALU - Hajat dua lelaki untuk menjual dan membeli dadah berkecai apabila kedua-duanya diberkas dalam satu serbuan di tepi jalan di sekitar Inanam di sini semalam.

Suspek-suspek berusia 23 dan 45 tahun tersebut diberkas pada pukul 12 tengah hari selepas polis menjalankan risikan sebaik menerima maklumat awam.

Ketua Polis Daerah Kota Kinabalu, Asisten Komisioner M. Chandra berkata, polis turut merampas 212.5 gram syabu bernilai RM20,000 daripada suspek.

"Siasatan mendapati, suspek berusia 23 tahun tersebut bertindak sebagai penjual kepada lelaki berumur 45 tahun itu," katanya ketika ditemui pada perhimpunan bulanan Ibu Pejabat Polis Daerah Kota Kinabalu di sini semalam.

Tambahnya, kesemua dadah itu disembunyikan di dalam plastik hitam dan polis tidak menolak kemungkinan bekalan bahan khayal itu diseludup dari Filipina.

Suspek kini direman mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang memperuntukkan hukuman gantung sampai mati jika sabit kesalahan.